

Semua Ketua Jabatan
Negeri Perlis.



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS
BILANGAN 2 TAHUN 2008
TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN GAJI BULANAN TAHUN 2009

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan tarikh-tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2009; dan
- 1.2 Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua Jabatan/PTJ bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan gaji dibayar mengikut jadual yang ditetapkan.

2. TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULANAN

- 2.1 Tarikh-tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2009 seperti di **Lampiran A** telah ditetapkan berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2004.

2.2 Bagi tahun 2009, gaji untuk bulan Januari, September, Oktober dan Disember dibayar lebih awal. Pembayaran gaji awal ini hendaklah dianggap sebagai pembayaran gaji untuk bekerja sebulan penuh dan perbelanjaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat dengan betul daripada peruntukan. Oleh itu sekiranya pungutan balik hendak dilakukan dalam bulan-bulan berkenaan, maka perkara ini juga perlu diambil kira.

3. PERATURAN PEMBAYARAN GAJI

Untuk memastikan pembayaran gaji dapat dibuat oleh Bendahari Negeri mengikut tarikh yang telah ditetapkan, Jabatan/PTJ hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:-

3.1 Bayaran Gaji Melalui SPEKS

3.1.1 Memastikan tiada Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) dikemukakan kepada Bendahari Negeri bagi gaji bulan Januari 2009 **kecuali** untuk kes-kes kematian, letak jawatan, persaraan, cuti tanpa gaji atau tindakan tatatertib yang mana gaji kakitangan tersebut terpaksa dihentikan segera. Perubahan gaji bulan Januari 2009 (termasuk kenaikan gaji) akan diproses melalui Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) mulai bulan Februari 2009.

3.1.2 Mengemukakan Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) kepada Bendahari Negeri mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di **Lampiran B**.

3.1.3 Menyemak maklumat dalam Senarai Fail Induk Pekerja (Laporan G 029) sebaik sahaja laporan berkenaan diterima dari Bendahari Negeri dan mengambil tindakan segera untuk membuat pelarasan dan pembedulan jika perlu. Kesilapan yang perlu dibetulkan dalam fail induk gaji termasuk butir-butir peribadi, nombor akaun bank dan nombor rujukan potongan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Cukai Pendapatan, Pinjaman Perumahan Kerajaan dan sebagainya.

3.1.4 Semua arahan bagi membuat potongan gaji hendaklah lengkap seperti nama, nombor kad pengenalan dan nombor rujukan akaun potongan. Kesilapan dan kegagalan dalam memberi maklumat tersebut akan menyebabkan potongan gaji tidak dapat dikreditkan ke akaun yang betul. Bagi mengatasi masalah ini semua Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) perlu disokong dengan salinan kad pengenalan dan nombor rujukan akaun potongan.

3.1.5 Sebarang pertukaran akaun bank hendaklah dimaklumkan kepada Bendahari Negeri melalui Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) selewat-lewatnya pada tarikh akhir serahan seperti di **Lampiran B**

3.2 **Bayaran Gaji Secara Manual.**

Baucar Bayaran bagi kakitangan yang menerima gaji harian hendaklah dihantar pada 1 haribulan pada bulan berikutnya, atau pada hari bekerja pertama selepas akhir bulan jika 1 haribulan itu adalah hari minggu atau hari cuti.

4. **PENUTUP.**

Semua Ketua Jabatan/PTJ hendaklah mematuhi peraturan-peraturan seperti di para 3 bagi membolehkan gaji dibayar pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HJ. MUSA B. HJ. HASSAN)
Pegawai Kewangan Negeri
Perlis.

- s.k
1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
 2. Bendahari Negeri Perlis
 3. Pengarah
Jabatan Audit Negara
Cawangan Perlis

Jadual Pembayaran Gaji Bulanan Bagi Tahun 2009

<u>BULAN</u>	<u>TARIKH</u>	<u>HARI</u>	<u>CATATAN</u>
Januari	19.01.2009	Isnin	<i>(Tahun Baru Cina 26 & 27.01.2009)</i>
Februari	25.02.2009	Rabu	
Mac	25.03.2009	Rabu	
April	23.04.2009	Khamis	<i>(25.4.2009 hari Sabtu)</i>
Mei	25.05.2009	Isnin	
Jun	25.06.2009	Khamis	
Julai	23.07.2009	Khamis	<i>(25.7.2009 hari Sabtu)</i>
Ogos	25.08.2009	Selasa	
September	10.09.2009	Khamis	<i>(Hari Raya Puasa 20 & 21.9.2009)</i>
Oktober	8.10.2009	Khamis	<i>(Deepavali 17.10.2009)</i>
November	23.11.2009	Isnin	<i>(Hari Raya Qurban 27 & 28.11.2009)</i>
Disember	17.12.2009	Khamis	<i>(Hari Krismas 25.12.2008)</i>

Tarikh Penyerahan Borang Perubahan Gaji (Kew. 320)

Gaji Bulan	Tarikh Mula Serahan	Tarikh Akhir Serahan
** Januari	22.12.2008	05.01.2009
Februari	20.01.2009	04.02.2009
Mac	17.02.2009	03.03.2009
April	18.03.2009	03.04.2009
Mei	15.04.2009	05.05.2009
Jun	18.05.2009	04.06.2009
Julai	18.06.2009	03.07.2009
Ogos	20.07.2009	04.08.2009
September	17.08.2009	28.08.2009
Oktober	17.09.2009	21.09.2009
November	19.10.2009	03.11.2009
Disember	17.11.2009	26.11.2009

**** Hanya untuk kes-kes kematian, letak jawatan, persaraan, cuti tanpa gaji atau tindakan tatatertib yang mana gaji kakitangan tersebut terpaksa dihentikan segera**